



UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGGAL 20

AKTA BUANG NEGERI

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI SEMAKAN

PENGGAL 20

AKTA BUANG NEGERI

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran pendek
 2. Waran tangkap dan perintah buang negeri
 3. Penyempurnaan perintah buang negeri
 4. Penangkapan
 5. Hukuman kerana kembali secara haram
 6. Menyembunyi atau melindungi orang yang dibuang negeri
 7. Kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia
 8. Perlindungan pegawai
-

AKTA BUANG NEGERI

Satu Akta untuk mempersyaratkan pembuangan negeri orang-orang tertentu dari Negara Brunei Darussalam.

2 tahun
1918
(Peng. 20
tahun
1951)
S. 99/59

Permulaan kuatkuasa : 31hb Disember 1918

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Buang Negeri.

Gelaran
pendek

2. Apabila didapati oleh Menteri atas maklumat bertulis daripada Pesuruhjaya Polis bahawa ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa pembuangan negeri manapun orang dari Negara Brunei Darussalam adalah perlu bagi keselamatan, keamanan atau kebajikan Negara Brunei Darussalam —

Waran
tangkap
dan
perintah
buang
negeri

- (a) Menteri hendaklah mengeluarkan suatu waran pada keseluruhannya dalam bentuk Jadual Pertama dan hendaklah menyebabkan orang itu dibawa dihadapannya ;
- (b) Menteri hendaklah selepas itu memeriksa orang itu dan merekod secara bertulis akan sebarang pernyataan yang mungkin dibuat oleh orang itu ;
- (c) Menteri boleh jika difikirkannya patut menyembahkan maklumat bertulis dan rekod itu ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat yang boleh memerintahkan supaya orang itu dibuang negeri dari Negara Brunei Darussalam, atau boleh memerintahkan supaya orang itu sebelum suatu hari yang akan dinyatakan dalam perintah itu menyempurnakan suatu bon dengan penjamin-penjamin supaya dia berkelakuan baik dalam jumlah dan bagi tempoh sebagaimana yang mungkin ditetapkan dalam perintah itu.

- (d) jika mana-mana orang itu yang terhadapnya suatu waran telah dikeluarkan melarikan diri atau menyembunyikan dirinya supaya waran itu tidak dapat disempurnakan maka dia boleh diisyiharkan dan hartanya ditahan oleh mana-mana Mahkamah mengikut cara yang sama dengan perisyiharan seseorang yang melarikan diri dan penahanan hartanya boleh dilakukan di bawah Kanun Peraturan Jenayah Peng. 7 ;
- (e) perintah buang negeri itu hendaklah dalam bentuk Jadual Kedua dan hendaklah tidak dikuatkuasakan sehingga selepas 21 hari telah luput dari tarikhnya ;
- (f) pembuangan negeri itu boleh bagi seumur hidup orang yang dibuang negeri itu atau bagi tempoh yang lebih pendek sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat ;
- (g) jika mana-mana orang yang diperintahkan untuk memberi jaminan supaya dia berkelakuan baik di bawah syarat-syarat perenggan (c) tidak memberi jaminan itu sehingga memuaskan hati Menteri sebelum hari yang dinyatakan bagi maksud itu dalam perintah itu maka dia hendaklah dibuang negeri dari Negara Brunei Darussalam bagi tempoh sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat.

Penyempur-
naan
perintah
buang
negeri

- 3.** (1) Mana-mana orang yang terhadapnya suatu perintah buang negeri dibuat hendaklah dibawa di hadapan Menteri yang akan memberitahunya mengenai tempoh pembuangan negerinya dan memberi amaran kepadanya supaya tidak kembali ke Negara Brunei Darussalam sehingga habis tempoh itu.
- (2) Satu salinan perintah buang negeri itu dalam Bahasa Inggeris dan, jika boleh, dalam bahasanya sendiri hendaklah diserahkan kepada orang itu.

4. Jika mana-mana orang yang dibuang negeri itu dijumpai berada di Negara Brunei Darussalam sebelum habis tempoh dia dibuang negeri maka orang itu boleh ditangkap oleh mana-mana pegawai tanpa waran.

Penangkap-an

5. Barangsiapa setelah dibuang negeri secara sah dari Negara Brunei Darussalam kembali ke Negara Brunei Darussalam sebelum habis tempoh dia dibuang negeri, atau tanpa suatu pengurangan hukuman, boleh sama ada diusir dengan serta-merta dari Negara Brunei Darussalam dengan perintah Menteri atau boleh didakwa dan apabila sabit kesalahan hendaklah dihukum penjara bagi sebarang tempoh yang tidak melebihi dari tempoh dia dibuang negeri.

Hukuman kerana kembali secara haram

6. (1) Barangsiapa dengan mengetahui menyembunyikan atau melindungi mana-mana orang yang pembuangan negerinya telah diperintahkan tetapi belum lagi dikuatkuasakan dan barangsiapa dengan mengetahui menyembunyikan mana-mana orang yang telah kembali secara haram dari buangan adalah melakukan kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan denda sebanyak \$1,000 atau dihukum penjara selama 6 bulan.

Menyem-buni atau melindungi orang yang dibuang negeri

(2) Barangsiapa yang menyedari tentang adanya di Negara Brunei Darussalam mana-mana orang yang pembuangan negerinya telah diperintahkan tetapi belum lagi dikuatkuasakan atau tentang adanya di Negara Brunei Darussalam mana-mana orang yang telah kembali secara haram dari buangan hendaklah jika tiada alasan yang munasabah memberikan maklumat dengan serta-merta kepada majistret atau pegawai polis yang berdekatan dan jika ingkar berbuat demikian boleh apabila sabit kesalahan dikenakan denda sebanyak \$500 atau dihukum penjara selama 3 bulan.

7. Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh atas budi bicara baginda mengubah, membatalkan atau mengurangkan sebarang hukuman yang dijatuhkan di bawah Akta ini.

Kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Perlindung-
an pegawai

8. (1) Tiada tindakan boleh diambil terhadap mana-mana orang atas apa-apa yang dilakukan atau dimaksudkan untuk dilakukan dengan *bona fide* pada menjalankan atau dijangka hendak menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Akta ini –

- (a) tanpa memberikan kepada orang itu notis sebulan secara bertulis yang terdahulu mengenai tindakan yang dimaksudkan dan alasannya ;
- (b) selepas habis tempoh 3 bulan dari tarikh pengakruan alasan tindakan ;
- (c) selepas menawarkan penyelesaian yang mencukupi.

(2) Dalam tiap-tiap tindakan yang diambil itu maka hendaklah dikatakan dengan nyata bahawa pihak defendant yang bertindak sama ada dengan niat jahat atau dengan cuai dan tanpa alasan yang munasabah atau barangkali, dan jika pada waktu perbicaraan itu pihak plaintiff gagal membuktikan tuduhan itu maka penghakiman hendaklah diberikan memihak kepada pihak defendant.

(3) Walaupun penghakiman diberikan memihak kepada pihak plaintiff dalam tindakan itu pihak defendant tidak semestinya membayar kos melainkan jika Mahkamah yang di hadapannya tindakan itu dibicarakan memperakui pengesahannya akan tindakan itu.

JADUAL PERTAMA**Negara Brunei Darussalam***(Akta Buang Negeri, Bab 2(a))*

Kepada Pesuruhjaya Polis dan semua pegawai polis lain Negara Brunei Darussalam

Bahawasanya adalah didapati oleh saya menurut maklumat bertulis bahawa ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa pembuangan negeri dari Negara Brunei Darussalam adalah perlu bagi keselamatan, keamanan dan kebajikan Negara Brunei Darussalam :

Waran ini mengarahkan kamu Pesuruhjaya Polis dan semua pegawai polis lain yang tersebut untuk menangkap yang tersebut dan membawanya di hadapan saya dengan secepat mungkin.

Diberi di bawah tandatangan saya pada hari ini
haribulan , 19

Menteri, Negara Brunei Darussalam

JADUAL KEDUA**Negara Brunei Darussalam***(Akta Buang Negeri, Bab 2(e))*

Bahawasanya pada haribulan , 19 , suatu Waran telah dikeluarkan oleh Menteri untuk menangkap atas alasan bahawa ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa pembuangan negeri yang tersebut dari Negara Brunei Darussalam adalah perlu bagi keselamatan, keamanan dan kebajikan Negara Brunei Darussalam.

Maka sekarang adalah dengan ini diperintahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat bahawa yang tersebut dibuang negeri, dan dia dengan ini, dibuang negeri dari Negara Brunei Darussalam bagi tempoh selama dengan syarat bahawa perintah buang negeri tersebut hendaklah tidak dikuatkuasakan sehingga habis tempoh 21 hari dari tarikh ini.

Bertarikh pada hari ini haribulan , 19

Menteri, Negara Brunei Darussalam